



## Timbalan PM berbual2 selepas rasmi sidang

**TIMBALAN** Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) berbual dengan Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Datuk Harun Ariffin (dua dari kiri), s e s u d a h merasmikan seminar antarabangsa mengenai peluang-peluang pelaburan di kawasan pembangunan wilayah, di Kuala Lumpur pagi semalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan pelabur-pelabur asing dan tempatan supaya bersikap adil terhadap warganegara Malaysia yang menjadi pekerja-syarikat-syarikatnya.

Usaha dan sikap sedemikian, katanya, akan menolong mewujudkan serta memupuk suasana pekerjaan yang sihat serta memupuk keharmonian industri.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Encik Sanusi Junid. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia